

GEMBIRA DALAM DUKA

SUASANA menyambut kedatangan Syawal hanyalah memori indah bagi anak-anak yatim yang kehilangan ibu atau ayah. Wartawan ANIQAH menyelami kehidupan anak-anak yatim di Rumah Bakti Nur Syaheera yang diuruskan dan dinaungi Pertubuhan Kebajikan Nur Syaheera, Kuala Lumpur.

Ketika ditemui di asrama mereka di Taman Jaya Baru, Cheras, Kuala Lumpur, suasana menyambut Ramadan dan Syawal tiada persamaan seperti yang dilalui rakan seusia mereka di luar sana. Anak-anak di sini tidak memerlukan mercun, bunga api, pelita apatah lagi untuk bersenggang mata membuat biskut raya. Ini kerana mereka begitu teruja untuk mengejarkan ibadat pada Ramadan iaitu satu bulan yang menjanjikan rahmat pada 10 hari pertama, berkat pada 10 hari kedua dan *maghfirah* atau keampunan dari Allah SWT pada 10 hari terakhir.

Gembira diraikan pelbagai pihak



Nurambia Nafariesha

Nurambia Nafariesha Muhd Hashim, 11, menyatakan bahawa suasana Ramadan di situ amat berbeza berbanding dengan bulan-bulan lain. "Apabila tiba Ramadan, kami diraikan oleh pelbagai pihak dengan jempunan

berbuka puasa dan ada juga yang menyediakan juadah istimewa di asrama. Kami juga dilimpahi rezeki dengan sumbangan duit raya dan pelbagai hadiah seperti baju baru, kasut dan sebagainya bagi membolehkan kami gembira menyambut Syawal," katanya.

Nurambia sudah dua tahun menetap di Rumah Bakti Nur Syaheera bersama adiknya, Shaik Anuar Idris Muhd Hashim, 9. "Seperti rakan-rakan di luar yang lebih bernasib baik, kami di sini tidak pernah

kekurangan malah bersyukur kerana semakin ramai yang prihatin dengan nasib kami," katanya.

Manakala segala persiapan dan kelengkapan seperti baju baru akan disediakan oleh Rumah Bakti Nur Syaheera. Malah mereka juga menerima sumbangan untuk persiapan raya daripada orang ramai. "Dahulu sedih juga kerana emak dan ayah sudah meninggal dunia tetapi kini saya dan adik gembira tinggal di sini bersama kawan-kawan. Kami berpeluang menyambut hari raya seperti kawan-kawan yang lain," katanya.

Mahu memanfaatkan Ramadan dengan ibadat



Anna Nur Fatimah

Anna Nur Fatimah Abdul Khalid, 11, yang sudah kematian bapa tetapi masih mempunyai ibu menyatakan setiap kali Syawal, dia akan pulang ke rumahnya di Kampung Melayu Subang

untuk bersama-sama menyambut lebaran bersama emak dan adik-beradik yang lain. Malah, jika ibunya berkesempatan bercuti panjang, mereka akan pulang ke kampung sama ada di Johor atau Negeri Sembilan. "Sewaktu di rumah, saya tidak melepaskan peluang untuk melepaskan rindu dengan ibu dan adik-beradik lain dan pada hari raya adalah waktu terbaik untuk kami semua berkumpul," katanya. Tambah Anna, sepanjang Ramadan pula, apabila mendapat jempunan berbuka puasa dan bersahur, suasana amat seronok kerana pihak pénaja selalu memberikan kata-kata nasihat dan perangsang agar mereka juga boleh berjaya seperti orang lain.

"Saya juga dapat berbuka puasa, solat



tarawih, bertadarus al-Quran sehingga khatam beramai-ramai. *Alhamdulillah* saya dapat memanfaatkan sepenuhnya Ramadan dan beribadat. Walaupun penat tetapi seronok," katanya yang bercita-cita menjadi pelukis terkenal atau doktor haiwan.

Kongsi suka dan duka di rumah anak yatim

Puteri Dania Qrisya, 8, seronok menyambut Syawal setelah sebulan berpuasa. Berasal dari Hulu Langat, Selangor, Puteri Dania mengambil kesempatan ini pulang ke rumah untuk menyambut hari raya bersama keluarga. Malah berpuasa di Rumah Bakti Nur Syaheera memberi banyak kenangan manis. "Sebelum sambutan hari raya, saya akan pulang ke rumah dan berasa seronok kerana dapat berjumpa keluarga," katanya.

Sebagai adik bongsu dalam keluarga besar ini, Puteri Dania seronok bersama mereka. Setelah lama di sini, dia makin serasi dan dapat menyesuaikan diri dengan baik dan belajar hidup bertolak ansur dan bekerjasama. "Kami seperti keluarga sendiri, saling membantu dan berkongsi suka duka," katanya. Q



Puteri Dania Qrisya